



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 1, 2018  
ISSN No. 2338-512X

## Analisis Mesej Dakwah Dalam Filem Munafik (2016)

Muhammad Muhammin Zainal Abidin, Rosmawati Mohamad Rasit

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Kampus, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mail: muhammin.zaba@yahoo.com; rosmawati@ukm.edu.my

---

**Abstrak** - *Penyampaian dakwah pada hari ini perlu dipelbagaikan agar dapat menarik minat masyarakat awam untuk mendalami ilmu ukhrawi secara tidak langsung. Antara salah satu cara penyampaian dakwah yang relevan pada saat ini adalah dengan menerapkan mesej dakwah dalam filem-filem yang diterbitkan. Namun, persoalan yang wujud adakah terdapat mesej dakwah yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah di dalam sesebuah filem. Justeru, kajian ini akan menganalisis mesej dakwah yang terdapat di dalam filem Munafik (2016). Selain itu, pengkaji juga akan turut meneliti tentang cerita dan plot serta watak dan perwatakan yang terdapat di dalam filem kajian. Kajian ini menggunakan metodologi analisis kandungan secara kualitatif. Borang pengekodan digunakan dalam proses pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis naratif dan analisis tematik. Hasil kajian mendapati terdapat enam mesej dakwah yang dipaparkan dalam filem kajian. Filem Munafik (2016) secara keseluruhannya dilihat berjaya memaparkan mesej dakwah walaupun terdapat beberapa babak yang ditonjolkan tidak sesuai dengan ajaran Islam yang murni.*

**Kata Kunci:** Mesej Dakwah, Keagamaan, Filem Berunsur Dakwah, Analisis Naratif

---

### I. Pendahuluan

Filem merupakan salah satu instrumen media yang berkesan dalam menerapkan mesej dakwah. Mesej dakwah dalam filem perlu diterapkan secara meluas bagi memahamkan masyarakat dengan nilai-nilai murni seperti mana yang terdapat di dalam ajaran Islam yang tulen (Syamsul Bahri Andi Galigo 2006). Filem bukan sahaja berperanan untuk menjadi saluran hiburan kepada khalayak akan tetapi mampu menjadi wasilah penyaluran nilai-nilai murni. Menurut Asiah Sarji (2015) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat kecederungan yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia yang menyokong pengekalan dan pemeliharaan nilai-nilai murni melalui filem. Hal ini kerana pemaparan nilai-nilai murni yang terdapat mesej dakwah akan memberikan perspektif yang berbeza kepada audien yang menonton sesebuah filem itu. Usaha murni penggiat filem dalam menerapkan unsur dakwah dalam karya mereka seharusnya diberikan pujian. Namun, permasalahan yang wujud adalah apabila unsur dakwah yang diterapkan tidak menepati kerangka ajaran Islam sebenar yang bukan sahaja menjelaskan kemurnian agama Islam akan tetapi memberikan gambaran yang salah terhadap ajaran Islam yang suci. Perkara ini boleh diatasi dengan cara penggiat filem sendiri meneliti secara mendalam dan diberikan gambaran yang jelas dan terperinci mengenai unsur dakwah yang ingin diterapkan dalam karya mereka. Justeru, kajian ini akan menganalisis mesej dakwah yang terdapat di dalam filem Munafik (2016) sama ada berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah atau sebaliknya.

### II. Mesej Dakwah Dalam Filem

Dakwah merupakan suatu penyeruan terhadap manusia agar terus menyelami agama Islam berdasarkan kepada *uswah al- hasanah* (conton tauladan yang baik) yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan garis panduan yang telah

*Manuscript received 14 Desember 2017, revised 4 January 2018*

*Copyright © 2018 Kemala Publisher. - All rights reserved*

ditentukan oleh Allah SWT seperti yang sudah termaktub di dalam al-Quran dan al-Hadith ('Abd Karim Zaydan 1992). Menurut Yusuf al-Qaradhawi (1978) dalam mendefinisikan kalimah dakwah menyatakan bahawa dakwah merupakan suatu perlakuan mengajak individu lain supaya mendalamai ajaran Islam yang murni, melaksanakan segala perintah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, menjauhi serta meninggalkan segala larangan yang telah digariskan oleh Allah SWT, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri semata-mata kerana Allah SWT dan memohon pertolongan hanya kepada Yang Maha Esa. Abdul Munir Ismail (2014) pula menjelaskan bahawa dakwah ialah menyeru, memanggil dan mengajak manusia supaya terus menunduk dan menyembah Allah SWT serta melarang manusia daripada melakukan perbuatan yang dimurka olehNya. Dunia alaf baru kini menyaksikan antara pendekatan dakwah yang relevan dan efektif adalah dengan menggunakan medium filem sebagai alat untuk menyampaikan mesej dakwah. Ia merupakan usaha baru yang seharusnya diterokai oleh para agamawan yang mahu menceburkan diri dalam industri perfilman negara (Rosmawati Mohamad Rasit et. al 2014).

Filem berunsur dakwah bukanlah filem yang mempunyai ceramah, pidato maupun syaran agama daripada ustaz-ustaz berkopia atau ustazah-ustazah bertudung labuh semata-mata, namun ianya adalah filem yang mampu menyampaikan mesej secara tersirat dan berseni sehingga dapat memberi kesan dan faedah yang mendalam kepada audien yang menonton (Mohd Shukri Hanapi 2016). Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2005) ketika mahu menyampaikan mesej dakwah kepada khalayak, ianya memerlukan kepada bentuk dan cara terbaik yang mampu menarik minat golongan sasaran. Hal ini penting bagi mempengaruhi mereka. Mesej dakwah yang dipaparkan dalam bentuk cerita tidak terhad kepada mana-mana peringkat umur, masa, kumpulan maupun bangsa akan tetapi boleh diterima oleh seluruh lapisan masyarakat. Mesej dakwah yang ingin disampaikan melalui persembahan cerita boleh difilemkan atau didramakan bagi menjadikan ianya lebih menarik untuk tontonan khalayak.

### **III. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan analisis kandungan secara kualitatif. Filem Munafik (2016) arahan Syamsul Yusof telah dipilih sebagai sampel kajian. Filem ini telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria utama pengkaji memilih filem Munafik (2016) kerana ia merupakan sebuah filem yang mempunyai penerapan mesej dakwah yang jitu. Pengkaji menggunakan borang pengekodan ketika proses pengumpulan data dengan membuat penontonan terhadap filem kajian. Penontonan filem kajian telah dijalankan pada 15 Oktober 2017. Pengkaji menonton filem tersebut yang berdurasi selama satu jam tiga puluh lima minit sebanyak dua kali. Oleh itu, jumlah masa yang pengkaji peruntukkan untuk proses pengekodan data melalui penontonan filem adalah selama tiga jam. Tujuan penontonan filem adalah untuk pengkaji memahami keseluruhan jalan cerita dan mengenalpasti babak-babak yang mengandungi penerapan mesej dakwah dalam filem kajian yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Data yang terhasil akan dianalisis menggunakan analisis naratif dan analisis tematik.

### **IV. Profil Filem Munafik (2016)**

*Munafik* merupakan sebuah filem yang telah ditayangkan di pawagam bermula pada 25 Februari 2016. Filem ini diarahkan oleh pengarah filem Khurafat (2011) iaitu Syamsul Yusof dan diterbitkan oleh Skop Productions Sdn. Bhd. Durasi filem ini selama 1 jam 35 minit. Filem ini diklasifikasikan dengan label PG 13 yang sesuai untuk tontonan golongan yang berumur 13 tahun ke atas. Bagi mereka yang berumur bawah 13 tahun, mereka memerlukan kepada bimbingan ibu bapa dan penjaga kerana filem ini mengandungi unsur seram yang dikhawatiri boleh memberi impak negatif kepada kanak-kanak. Filem ini berjaya di tayangkan bukan sahaja di Malaysia bahkan turut ditayangkan di Indonesia, Singapura dan juga Brunei. Hasil kutipan keseluruhan filem ini mencencah RM 19 Juta. Kejayaan berganda filem ini diperoleh oleh Syamsul Yusof apabila beliau di nobatkan sebagai Pengarah Terbaik dan filem *Munafik* diangkat sebagai Filem Terbaik di Festival Filem Malaysia ke- 28 (FFM28).

#### *4. 1. Sinopsis dan Cerita Filem*

Filem *Munafik* mengisahkan tentang Adam yang merupakan seorang pengamal perubatan Islam. Istilah perubatan Islam di dalam bahasa Arab dipanggil *ruqyah*. Namun, Adam telah berhadapan dengan situasi getir dalam hidupnya apabila dia mengalami kemalangan langgar lari yang telah meragut nyawa isterinya, Zulaikha dan anaknya, Amir. Rentetan daripada peristiwa itu, menyebabkan Adam terbelenggu dengan kesedihan yang teramat sangat lantas menyebabkan hubungannya dengan masjid semakin jauh apabila dia tidak lagi menjelaskan kakinya ke masjid selepas peristiwa kemalangan itu. Malah, amalan ruqyah terhadap penduduk kampung yang dibuat sebelum ini juga tidak diteruskan lagi. Pada suatu hari, Imam Ali telah meminta pertolongan Adam untuk merawat anak Pak Osman iaitu Maria kerana di khawatir mengalami gangguan jin dan makhluk halus. Pada awalnya, Adam menolak namun setelah dipujuk oleh sahabatnya, Azman dan ayahnya, Rahim untuk meneruskan rawatan Islam, maka Adam bersetuju untuk membantu memulihkan penyakit yang dialami oleh Maria.

Selepas Adam merawat Maria, terdapat beberapa peristiwa pelik yang berlaku dalam kehidupan mereka antaranya adalah kematian Imam Ali secara tiba-tiba akibat daripada beliau ternampak bayangan makhluk yang ganjil

dan menakutkan sehingga menyebabkan kereta yang dipandunya terbabsas masuk ke dalam sungai. Insiden yang telah terjadi itu menyebabkan Adam ligat berfikir siapakah yang menjadi punca kepada kejadian yang telah berlaku. Setelah Adam berjumpa dengan Maria di sebuah banglo lama di hujung kampung, Maria memberitahu hal yang sebenar bahawa ayahnya, Pak Osman telah menyuruh dia membunuh Adam dengan melanggar keretanya tempoh hari namun yang mati dalam kejadian itu adalah Zulaikha dan Amir. Di sebabkan Maria tidak mahu lagi terlibat dengan pembunuhan yang dicaturkan oleh Pak Osman, Maria ingin bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Pada waktu itu, terzahirlah sikap sebenar Pak Osman bahawa dia lah orang yang bertanggungjawab menyihir orang kampung selama ini. Akhirnya, Maria meninggal dunia jatuh dari banglo tersebut kerana telah di sihir disebabkan tidak lagi mahu mengikut telunjuk ayahnya iaitu menyembah dan memuja syaitan. Pak Osman pula mati kerana telah dikalahkan dengan ayat-ayat al-Quran yang dibaca oleh Adam. Adam mula sedar bahawa dirinya perlu redha dengan segala ketentuanNya dan mestilah memaafkan kesalahan orang lain terhadap dirinya. Pada akhir cerita ini menunjukkan Adam telah mula yakin dan menyerahkan urusan dirinya bulat-bulat kepada Allah SWT.

#### 4. 2. Watak dan Perwatakan

Ustaz Adam sebagai watak utama membawa peranan sebagai pengamal perubatan di kampungnya. Ini bermakna apabila ada di kalangan orang kampung yang sakit akibat daripada gangguan jin dan makhluk halus, maka Ustaz Adam akan mengubati mereka. Namun, hal itu berubah apabila berlakunya insiden kemalangan yang meragut nyawa isteri dan anaknya. Peristiwa itu mengubah perwatakan Ustaz Adam yang selalu hadir ke masjid, yakin dengan segala ketentuan Allah, rajin bekerja, membantu mereka yang sakit kepada situasi dia mula jarang ke masjid, wujud sedikit keraguan dalam dirinya mengenai takdir dan ketentuan Allah, tidak lagi mahu bekerja dan tidak mahu membantu merawat orang kampung yang sakit. Namun, akhirnya Ustaz Adam kembali menyakini bahawa segala yang berlaku atas urusan dan ketentuan Allah SWT. Watak Maria dipaparkan sebagai anak Pak Osman yang merupakan salah seorang penduduk kampung yang mengalami gangguan jin dan makhluk halus sehingga telah disahkan oleh pihak perubatan mengalami penyakit tekanan mental-jiwa (depression). Namun, setelah melalui proses rawatan Islam yang dibuat oleh Ustaz Adam, Ustaz Azman dan Imam Ali maka diketahuilah penyebab Maria berperwatakan sedemikian.

Watak Pak Osman sebagai salah seorang penduduk kampung yang selalu ke masjid, bersedekah dan membuat amal kebaikan namun mengalami sakit yang tiada siapa tahu puncanya. Dia mempunyai isteri muda iaitu Zati dan seorang anak perempuan iaitu Maria. Namun, segalanya berubah apabila tembelangnya pecah diketahui oleh Ustaz Adam bahawa dialah yang berperanan menyihir orang kampung yang sakit. Dia juga turut mengarahkan anaknya, Maria agar melanggar kereta Ustaz Adam akan tetapi yang terkorban dalam insiden itu adalah Zulaikha, isteri Ustaz Adam dan Amir, anak Ustaz Adam. Zati merupakan ibu tiri Maria dan isteri baru Pak Osman. Umurnya hampir sebaya dengan Maria. Disebabkan untuk melindungi keluarganya daripada segala gangguan, maka dia telah berjumpa dengan bomoh dan meminta tangkal untuk diletakkan di dalam rumah. Namun, situasi menjadi semakin buruk apabila banyak perkara-perkara pelik yang berlaku. Akhirnya, Zati mengetahui bahawa suaminya iaitu Pak Osman adalah punca kepada segala permasalahan yang wujud dalam kehidupan keluarga mereka. Ustaz Azman merupakan kawan dan sahabat yang bersama-sama dengan Ustaz Adam dalam melakukan rawatan Islam kepada penduduk kampung. Dia sering menasihatkan sahabatnya Ustaz Adam supaya menerima segala takdir dan ketentuan yang telah Allah SWT tuliskan untuknya.

Zulaikha merupakan isteri kepada Ustaz Adam dan ibu kepada Amir. Dia telah terlibat dalam kemalangan langgar lari. Zulaikha telah datang ke dalam mimpi Adam beberapa kali untuk menasihatinya agar menerima segala yang berlaku kerana ia adalah ketentuan dan kehendak Allah SWT. Amir digambarkan sebagai seorang anak yang baik, rajin membaca al-Quran dan sebagainya. Secara realiti Amir telah meninggal di tempat kejadian pada hari kemalangan langgar lari itu. Namun, di sebabkan ilusi Adam yang menginginkan Amir ada dalam hidupnya sehingga dia tidak sedar rupanya Amir juga tidak ada dan sudah pun meninggal.

## V. Mesej Dakwah Dalam Filem Munafik (2016)

Analisis kandungan melalui penontonan filem telah dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan hasil kajian yang tekal. Pengkaji telah mendapat enam tema mesej dakwah yang terdapat di dalam filem kajian. Berikut adalah tema-tema mesej dakwah seperti yang terdapat di dalam jadual 1:

Jadual 1 Item bagi Mesej Dakwah dalam filem Munafik (2016)

Bil	Mesej Dakwah
1.	Manusia adalah milik mutlak Allah SWT.
2.	Allah SWT yang berhak menyembuhkan segala penyakit
3.	Menziarahi kubur dapat mengingatkan kepada kematian dan hari akhirat.
4.	Bekerja merupakan suatu ibadah.
5.	Tolong-menolong dalam membuat kebaikan
6.	Redha dengan takdir dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

Sumber: Data Kajian (2017)

### 5. 1. Manusia adalah hak milik mutlak Allah SWT

Mesej dakwah yang pertama ialah ketika Adam menyatakan kepada anaknya, Amir bahawa diri manusia adalah hak milik mutlak Allah SWT. Maka Allah SWT berhak untuk mengambilnya kembali pada bila-bila masa sahaja. Sebagai seorang yang beriman kepada Allah SWT, Adam percaya bahawa dirinya, diri anaknya dan diri semua manusia adalah kepunyaan Allah SWT. Keyakinan Adam bahawa sekalian makhluk akan kembali kepada Allah SWT membuktikan keimannya tekal di dalam diri. Hakikat kembalinya manusia dan semua makhluk kepada Allah SWT seperti yang diyakini oleh Adam adalah selaras dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran surah an-Nur (24), ayat 42 yang bermaksud:

وَلِلَّهِ مُلْكُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿٤٢﴾

*“Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan kepada Allah sahaja tempat kembali (sekalian makhluk)”*

### 5. 2. Allah SWT yang berhak menyembuhkan segala penyakit

Mesej dakwah yang kedua ialah ketika Adam menyatakan bahawa tersembuhnya penyakit yang dialami oleh isteri Shah bukannya atas usaha dia sendiri akan tetapi dia hanya membantu dan yang menyembuhkannya adalah Allah SWT. Isteri Shah merupakan salah seorang penduduk kampung yang mengalami gangguan makhluk halus. Penyakit tersebut turut dihidapi oleh beberapa orang yang lain antaranya Maria. Adam merupakan individu penting di dalam kampungnya bagi memulihkan gangguan yang dihadapi oleh mereka dengan izin Allah SWT. Dalam al-Quran surah ash-Syu'ara: (26), ayat 80 yang bermaksud:

وَإِذَا مَرِضَتْ فَهُوَ يَشْفِينَ ﴿٨٠﴾

*“Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku”*

Allah SWT berkuasa dalam semua perkara yang berlaku. Dia yang menurunkan penyakit sebagai ujian buat manusia dan Dia juga yang menyembuhkan penyakit hamba-hambaNya.

### 5. 3. Menziarahi kubur dapat mengingatkan kepada kematian dan hari akhirat

Mesej dakwah yang ketiga ialah ketika Adam dan Amir menziarahi kubur Zulaikha. Adam berpesan kepada Amir supaya apabila dia sudah tiada lagi di dunia, jangan dilupa untuk menziarahi kuburnya kerana ia dapat mengingatkan diri seseorang kepada kematian dan hari akhirat. Apa yang disebutkan oleh Adam telah jelas dalilnya seperti yang terdapat di dalam hadis yang bermaksud:

“Ziarahlah ke kubur kerana ia dapat mengingatkanmu akan akhirat  
Ibnu Majah, Kitab Shahih Ibni Majah, Bab Ziarah al-Qubr”.

### 5. 4. Bekerja merupakan suatu ibadah.

Mesej dakwah yang keempat ialah ketika Azman menziarahi Adam untuk melihat keadaannya selepas insiden kemalangan yang berlaku. Beliau mendapati Adam masih tidak dapat menerima hakikat kematian isterinya dan tidak mahu membuat apa-apa kerja dan hanya duduk di rumah sahaja. Malah, kebun-kebun dan ladang-ladangnya juga dibiarkan tidak terurus oleh Adam. Lalu, Azman menyatakan bahawa kerja juga merupakan suatu ibadah. Semua perkara yang dilakukan oleh manusia merupakan ibadah jika niat dilakukan sesuatu perkara itu kerana Allah SWT. Hal ini kerana itulah tujuan jin dan manusia diciptakan di dunia ini. Perkara ini seajar dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Dzariyat:(51), ayat 56 yang bermaksud:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥٦﴾

*“Dan (ingatlah), Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”*

Seharusnya musibah seperti kematian orang yang tersayang tidak sepatutnya menghalang orang yang masih hidup untuk terus hidup dengan melakukan kerja harian seperti biasa.

### 5. 5. Tolong-menolong dalam membuat kebaikan

Mesej dakwah yang kelima ialah ketika Imam Ali meminta pertolongan Adam supaya mengubati anak Pak Osman iaitu Maria yang sedang mengalami sakit teruk. Pada awalnya, Adam berdolak dalih dengan memberi pelbagai alasan, namun setelah dipujuk oleh sahabatnya Azman dan ayahnya Rahim, dia bersetuju untuk menggunakan kepakarannya bagi mengubati Maria. Keputusan yang dibuat oleh Adam bagi menolong merawat Maria adalah tepat. Ianya selaras dengan firman Allah dalam surah al-Maidah: (5), ayat 2 yang bermaksud:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُخْلِوْا شَعَّرَ الْحَرَامَ وَلَا أَهْدَىٰ وَلَا أَلْقَلَيدَ وَلَا  
ءَامِينَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنْ رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًاٰ وَإِذَا حَلَّتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا  
تَجْرِمَنَّكُمْ شَنَعًا نَّقْوَمٍ أَنْ صَدُوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَىٰ  
الْبَرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْإِثْمِ وَالْعُدُوْنِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ



*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan percerobohan”.*

#### 5. 6. Redha dengan takdir dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

Mesej dakwah yang terakhir ialah ketika Adam masih lagi tidak dapat menerima hakikat kematian isterinya Zulaikha. Azman menasihatkan kepada sahabatnya, Adam supaya berserah sahaja kepada Allah SWT mengenai kes tersebut kerana tidak ada guna mahu mencari punca insiden kemalangan itu berlaku dan redha adalah jalan terbaik bagi menenangkan hati. Hal ini kerana segala sesuatu yang berlaku dalam kehidupan tidak terlepas daripada takdir dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Abu Bahili An-Nahli 1996). Perkara ini selari dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran surah at-Talaq: (65), ayat 3 yang bermaksud:

وَيَرِزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَىٰ اللَّهِ فَهُوَ حَسِيبُهُ وَإِنَّ اللَّهَ بَلْغُ أَمْرِهِ

قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

*“Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah SWT, maka Allah SWT cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah SWT tetap melakukan segala perkara yang dikehendakinya. Allah SWT telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu”*

Nasihat yang diberikan oleh Azman kepada Adam telah membuktikan bahawa setiap musibah dan nikmat yang berlaku adalah dengan izin Allah SWT. Tanda seseorang itu Mukmin atau sebaliknya adalah dia menerima segala ketentuan Allah SWT sama ada baik mahupun buruk. Bukan itu sahaja, seharusnya seseorang itu tidak ada penyesalan atau keluh kesah dalam dirinya akan tetapi perlu bersyukur dan bersabar atas apa yang berlaku (Ismail Kamus & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid 2009).

Berdasarkan kepada analisis tematik yang telah dibuat, pengkaji mendapati bahawa terdapat pemaparan dan penerapan mesej dakwah di dalam filem kajian yang jelas berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Hadith. Manakala dari aspek naratifnya iaitu sinopsis dan cerita filem serta watak dan perwatakan di dalam filem kajian juga menunjukkan elemen *mengajak kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan keburukan* cukup kuat diterapkan. Dari aspek pemakaian para pelakon juga sangat terjaga dan tidak ada satu babak pun di dalam filem ini yang menampakkan aurat yang haram dilihat berdasarkan hukum Islam. Babak bersentuhan antara lelaki dan perempuan juga dilihat tidak wujud di dalam filem ini. Namun, ada beberapa babak di dalam filem ini yang dilihat mempromosikan dialog yang tidak sopan dan berunsur lucu yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam seperti babak ketika Fazli menuduh Azman merosakkan maruah isteri orang seperti dialog di bawah:

*Fazli:(Menolak kopiah yang di pakai Adam) Kau tak payah berlagak baik dengan aku la. Tak payah hipokrit kat sini. Banyak mana perempuan yang kau dah rosakkan. Sedap-sedap bini orang kau ‘on’.*

Pada babak yang lain, ketika Fazli menelefon Maria. Maria mengaku bahawa dia pernah ditiduri oleh Ustaz Adam. Dialognya seperti di bawah:

*Maria: Untuk buat kau faham, aku nak kau tahu yang aku dah tidur dengan Ustaz Adam*

Kedua-dua babak tersebut tidak seharusnya wujud dalam filem yang sarat dengan mesej dakwah yang murni. Butiran dialog yang diucapkan juga seakan mempromosikan budaya bersekedudukan antara berlainan jantina yang bukan mahram. Akhir sekali, ada juga beberapa babak di dalam filem ini yang menggunakan perkataan-perkataan yang kurang enak diperdengarkan kepada audien yang menonton seperti perkataan *penipu, bodoh, mampus, gila, perempuan murah, jahat, bangkai anjing hitam, setan, kurang ajar, mati kau dan ayah dah gila*. Seharusnya perkataan-perkataan tersebut perlu ditukar dengan perkataan yang lebih baik agar khalayak tidak terpengaruh dan terkesan dengan dialog yang dituturkan seumpama itu. Menurut Naim Ahmad (2011) menyatakan bahawa unsur-unsur dakwah dalam filem mestilah digarap dengan baik dan sempurna, disampaikan dengan cara yang lembut dan berhikmah agar tidak bercampur antara perkara yang *haq* dan perkara yang *batil* dalam satu-satu masa.

## VI. Hasil Kajian Mesej Dakwah

Setelah analisis dibuat, berikut adalah hasil kajian yang telah pengkaji dapat sepanjang kajian dilakukan. Pengkaji telah membuat pembahagian mesej dakwah ke dalam borang pengekodan yang disampaikan secara kualitatif. Berikut adalah borang pengekodan mesej dakwah yang terdiri daripada tema, subtema, babak, senario, jumlah babak dan catatan seperti yang tertera di dalam jadual 2:

Jadual 2 Borang Pengkodan Mesej Dakwah.

Bil	Tema	Subtema	Babak	Senario	Jumlah Babak	Catatan
1	Akidah	Manusia adalah milik mutlak Allah SWT.	Babak di rumah Adam.	<i>Ibu milik Allah mir...Ayah, Amir, semua orang kat luar tu milik Allah. Suatu hari nanti, kita akan kembali kepada Allah mir, macam ibu juga...</i>	1	Adam menyatakan kepada anaknya, Amir bahawa diri manusia adalah hak milik mutlak Allah SWT. Maka Allah SWT berhak untuk mengambilnya kembali pada bila-bila masa sahaja. Adam percaya bahawa dirinya, diri anaknya dan diri semua manusia adalah kepunyaan Allah SWT.
2	Akidah	Allah SWT yang berhak menyembuhkan segala penyakit.	Babak di tanah perkuburan setelah selesai menziarahi pusara isteri Adam.	<i>Shah....isteri kamu macam mana? Dah sihat ke? Lepas Ustaz ubatkan isteri saya dulu, terus dia beransur pulih, dah tak meracau racau macam dulu dah. Isteri kamu pulih Shah bukan sebab saya, saya cuma bantu apa yang mampu. Segalanya atas izin Allah.</i>	1	Adam menyatakan bahawa tersembunyi penyakit yang dialami oleh isteri Shah bukannya atas usaha dia sendiri yang merawat menggunakan rawatan Islam akan tetapi dia hanya membantu dan yang menyembuhkannya adalah Allah SWT.
3	Akidah	Menziarahi kubur dapat mengingatkan kepada kematian dan hari akhirat.	Babak di tanah perkuburan ketika berada di pusara isteri Adam	<i>Bila Amir dah besar nanti, mungkin masa tu ayah pun dah tak da dah, Amir jangan lupa untuk ziarah kubur, sebab dengan ziarah kubur ni boleh mengingatkan kita tentang kematian, tentang akhirat.</i>	1	Adam berpesan kepada Amir supaya bila dia sudah tiada lagi, jangan lupa untuk ziarah kuburnya kerana ia dapat mengingatkan kepada kematian dan hari akhirat.
4	Syariah	Bekerja merupakan suatu ibadah.	Babak di rumah.	<i>Sampai bila kau nak macam ni Dam; sampai bila kau nak terperap dalam rumah ni? Imam Ali, orang-orang surau semua tanya pasal kau. Bila kau nak start kerja ni, ladang kau tu, kebun kau tu, terbiar macam tu je. Kau kena ingat Dam, kerja ni satu ibadah jugak.</i>	1	Adam yang masih tidak dapat menerima hakikat kematian isterinya tidak mahu membuat apa-apa kerja dan hanya duduk di rumah sahaja mengenangkan insiden kemalangan yang terjadi.
5	Akhlik	Tolong-menolong dalam membuat kebaikan	Babak di rumah Maria	<i>Dah la Man, kau tolong aku azan di setiap bilik dalam rumah ni, Imam pun kalau boleh tolong sekali.</i>	3	Ustaz Adam meminta Ustaz Azman dan Imam Ali membantunya mengalunkan azan di setiap bilik dalam rumah Maria.

6	Akhhlak	Redha dengan takdir dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT	Babak di tanah perkuburan setelah selesai pengkembangan jenazah Imam Ali	<i>Nak buat apa kita fikir lagi punca kematian Imam tu Dam...cakap banyak pun tak guna lagi Dam...kita redha ja yang dia dah pergi dulu.</i>	1	Azman menyatakan kepada Adam bahawa tidak perlu lagi untuk mencari punca kematian Imam Ali dan perlu redha dengan ketentuan Allah.
---	---------	--	--	--	---	--

Sumber: Data Kajian (2017)

Berdasarkan kepada jadual 2 diatas, dapat dilihat terdapat tiga tema utama yang digunakan oleh pengarah dalam menyampaikan mesej dakwah kepada penonton iaitu tema akidah, syariah dan akhlak. Tema akidah membawa mesej manusia adalah milik mutlak Allah SWT, Allah SWT yang berhak menyembuhkan segala penyakit dan menziarahi kubur dapat mengingatkan kepada kematian dan hari akhirat. Tema syariah pula membawa mesej iaitu bekerja merupakan suatu ibadah yang amat dituntut. Akhir sekali tema akhlak yang terdapat dalam filem kajian membawa dua mesej dakwah iaitu tolong-menolong dalam membuat kebaikan dan redha dengan takdir dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

## VII. Kesimpulan

Filem mesti berperanan dalam menyampaikan mesej dakwah yang akan menjadi pedoman kepada audien yang menonton. Seharusnya dalam penghasilan dan pembikinan filem berunsur dakwah, perlu dipastikan kandungannya selaras dengan kerangka ajaran Islam yang sebenar. *Munafik* merupakan topik yang telah diketengahkan oleh Syamsul Yusof bagi memberi kesedaran kepada masyarakat hakikat beragama. Walaupun topik yang dibawa adalah berat untuk ditonjolkan di layar perak, namun beliau telah berjaya menyampaikan jalan cerita yang penuh dengan pengisian yang menyentap jiwa. Justeru, berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati terdapat tiga tema utama yang menjadi sandaran pengarah filem dalam menerapkan mesej dakwah iaitu tema akidah, syariah dan akhlak. Penghasilan filem berunsur dakwah seperti *Munafik* (2016) juga dilihat mempunyai mesej yang jelas, kritikan sosial yang padu dan elemen keagamaan yang benar. Namun perlu diingatkan bahawa terdapat juga beberapa babak yang dilihat kurang sesuai untuk dipertonton kepada masyarakat seperti wujud beberapa perkataan yang boleh diklasifikasikan oleh pengkaji sebagai lucah dan tidak sesuai dengan norma kehidupan masyarakat Malaysia secara khususnya dan masyarakat dunia amnya dan perkara tersebut boleh diperbaiki pada masa hadapan.

## Rujukan

1. Al-Quran.
2. Abd al-Karim Zaidan. 1992. *Usul al-Da'wah*. Mesir: Dar al-Wafa'.
3. Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
4. Abdul Munir Ismail. 2014. *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
5. Abu Bahili an- Nahli. 1996. *Akhhlak Kepada Allah dan Sesama Manusia*. Selangor: Pustaka Ilmu.
6. Asiah Sarji, & Nur Kareelawati Abd. Karim. 2011. *Kajian Filem Arahann Pengarah Muda Sebagai Saluran Dakwah Di Malaysia*. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad, & Noor Adzrah Ramle (pnyt.). *Representasi Islam dalam Media*, hlm. 175–94. Bandar Baru Nilai.
7. Asiah Sarji. 2015. *Pembangunan Industri Perfileman Malaysia dalam Konteks Pendekatan Islam*. Dlm. Mohd Safar Hasim (pnyt.) & Zulkifle Abd. Ghani (pnyt.). *Komunikasi dan Media dari Perspektif Islam: Konsep dan Amalan*, hlm. 263–226. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. Azhar Abdul Rahman, Che Bakar Che Mat, Mohd Nizam Sahad, Saidi Adnan Md Nor, Mohamad Zaid Mohd Zin, Mohd Syahiran Abdul Latif, Nurul Khairiah Khalid, et al. 2012. *Memahami Kerangka Islam*. (Azhar Abdul Rahman, Ed.). Kuala Lumpur: Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA.
9. Fuziah Kartini Hassan Basri, Faridah Ibrahim & Mohd. Safar Hasim. 2009. *Penontonan Filem Cerek di Malaysia: Tingkah Laku, Citarasa, Persepsi dan Harapan*. Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
10. Ibnu Yaacob. 2014. *Rahsia Yahudi Dalam Filem*. Bukit Mertajam: ES Publisher Sdn. Bhd.
11. Ideris Endot. 1998. *Kesan Keimanan Terhadap Pembangunan Insan*. Dakwah Menjana Masyarakat Madani, hlm. 12–22. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
12. Ismail Kamus & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid. 2009. *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
13. Lee Yuan Beng & Mustafa Kamal Anuar. 2015. *Kebangkitan Semula Filem Seram di Malaysia: Liberalisasi atau Komersialisasi*. Antologi Esei Komunikasi: Teori, Isu dan Amalan. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
14. Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Amelia Yuliana Abd Wahab & Hani Zulaikha. 2012. *The Potential of Malaysia's Horror Movies in Creating Critical Minds: A Never Ending Philosophical Anecdote*. IPEDR 48(37): 174–178.
15. Mohd Fadly Samsudin. 2014. *Filem perlu tauhid Allah*. Harian Metro.
16. Mohd Shukri Hanapi. 2016. *Optimum Penggunaan Filem Sebagai Medium Dakwah*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 11–13.
17. Munafik. 2016. *Filem Seram*. Malaysia: Skop Productions Sdn Bhd.
18. Naim Ahmad. 2011. *Filem Islam*: Satu Perbicaraan. Shah Alam: Uni-N Production Sdn Bhd.
19. Rosmawati Mohamad Rasit, Siti Rugayah Tibek, Salasiah Hanin Hamjah, Razaleigh Mohamad@Kawangit, Muhamad Faisal Ashaari & Zabidi Mohamed. 2014. *Analisis Perbandingan Elemen Dakwah di dalam Filem Syurga Cinta (2009) dan The Song Of Sparrows (2008)*. *Dakwah, Media dan Masyarakat*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
20. Syamsul Bahri Andi Galigo. 2006. *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
21. Yusuf al-Qaradhawi. 1978. *Thaqafat al-Da'ieyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah